

20

NO. SOALAN : 410

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]**

TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah isu kemelut Felda Investment Corp (FIC) dan Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) menjejaskan kepentingan FELDA dan apakah usaha Kerajaan dalam memantau pelaburan dalam syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) supaya tidak berlaku penyelewengan di masa akan datang.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak pelantikan Yang Berhormat Tan Sri Shahrir Bin Abdul Samad sebagai Pengerusi FELDA pada 1 Januari 2017, beliau telah berikrar untuk memastikan perjalanan dan pentadbiran FELDA sentiasa berada pada tahap integriti yang tinggi. Pelbagai usaha dan penambahbaikan telah dilaksanakan bagi menerapkan amalan tadbir urus yang baik pada semua petugas Kumpulan FELDA. Beliau menekankan konsep balik asal iaitu ke zaman FELDA yang dilihat sebagai organisasi yang hebat dalam menguruskan ladang dan komuniti.

Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh FELDA adalah penstrukturan semula syarikat-syarikat subsidiari termasuklah Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC). Pengerusi FELDA pada 16 Januari 2017 mengarahkan supaya semua Lembaga Pengarah FIC meletak jawatan, sejajar dengan pengumuman awal beliau mengenai rombakan pengurusan yang besar dalam FELDA. Seterusnya mulai April 2017, FELDA telah melantik lapan (8) Ahli Lembaga Pengarah FIC yang baru yang terdiri daripada wakil daripada FELDA, Kementerian Kewangan Malaysia, Khazanah Nasional Bhd dan individu berlatarbelakang undang-undang dan perakaunan. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah baru ini adalah bagi memastikan setiap keputusan berkenaan pengurusan FIC dilaksanakan dengan mengambilkira kepentingan FELDA sebagai pemegang saham tunggal FIC. Selain itu juga, anak-anak syarikat yang lain turut mengalami penstrukturan semula,

di mana komposisi Ahli Lembaga Pengarah termasuk Pengerusi telah diperbaharui.

Seterusnya, sebagai pemegang saham terbesar dalam FGV, pada 12 Julai 2017, FELDA juga telah menamakan tiga (3) orang wakil FELDA dalam Ahli Lembaga Pengarah FGV dalam usaha memantapkan pengurusan dan meningkatkan prestasi serta kejayaan FGV. Pelantikan wakil FELDA iaitu Yang Berhormat Dato' Abu Bakar Harun dan Dato' Ab Ghani Mohd Ali adalah sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif manakala Datuk Muzzammil Mohd Nor dilantik sebagai Pengarah Gantian Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Selain itu, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid telah dilantik sebagai Pengerusi Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) yang baru pada 8 September 2017. Dengan pengalaman luas yang dimilikinya, beliau diyakini akan dapat menerajui FGV dengan cemerlang sekaligus meningkatkan keyakinan pelabur dan seterusnya dapat diterjemahkan dengan harga saham FGV yang lebih kukuh.

Langkah-langkah yang dilaksanakan seperti di atas adalah bagi memastikan kepentingan FELDA sebagai pemegang saham terbesar dalam FIC dan FGV tidak terjejas. Selain itu, perkara ini juga dapat mengukuhkan kedudukan FELDA dan memastikan kesejahteraan peneroka dan petugas terpelihara.

Sekian. Terima kasih.